

TERMS AND CONDITIONS GOVERNING THE PB VISA DIRECT SERVICE

1. You may use the PB Visa Direct Service to debit such sum from your Savings Account, Current Account or Credit/Debit Card and transfer the said sum to any Recipient Card via PBe, Public Bank's online banking service and PB engage, Public Bank's mobile banking application. For Credit Cards, such transfer shall be treated as cash advance and it is subject to the cash advance service fee.
2. You may transfer a minimum of RM300.00 and a maximum of RM8,000.00 per transaction per day (or such amount as the Bank may determine) and the total amount allowable per day is RM8,000.00 (or such amount as the Bank may determine). The transaction limit is subject to your daily third party fund transfer limit or whichever is lower. You will only be permitted to perform a maximum of five (5) transactions per calendar month.
3. You shall be liable for all such charges and fees incurred under the PB Visa Direct Service including applicable taxes, if any, which shall be debited from your Savings Account or Current Account or charged on your Credit/ Debit Card, as the case may be. The Bank's list of fees and charges are available on the Bank's website at www.pbebank.com.
4. The Bank and/or VISA International Service Association shall effect the transfer of such sum to the Recipient Card in accordance with the information and/or instructions provided by you, in the currency of the Recipient Card converted from the Malaysian currency at such prevailing exchange rate on such date as the Bank or VISA International Service Association may determine at its discretion plus foreign exchange spread of 0.25%.
5. You shall ensure that all information and/or instructions provided by you to the Bank for the purposes of effecting any transfer under the PB Visa Direct Service is complete, true and accurate. You further agree to provide such further information that the Bank may require for the purpose of effecting any transfer.
6. The Bank may act upon, rely on or hold you solely responsible and liable for all instructions transmitted to the Bank (whether actually provided by you or not) and the Bank shall not be under any obligation to investigate the authenticity or authority of persons effecting the instructions or verify the accuracy and completeness of the information. You agree that the Bank may treat the information as valid notwithstanding any error, fraud, forgery, lack of clarity or misunderstanding in the terms of such information and/or instructions. You shall fully indemnify the Bank for any losses or damages arising from the Bank relying on such instructions.

7. Whilst the Bank endeavours to effect the transfer on receipt of your instructions, you agree that the instructions may not be processed immediately due to:
 - 7.1 instructions being inaccurate, inadequate or incomplete in any way; or
 - 7.2 a failure, refusal, delay or error by any third party through whom any such instruction is transacted.
8. Where the Bank chooses to act on an instruction, the Bank acts on a commercially reasonable effort basis and shall not be responsible for any acts and omissions while acting in a reasonable manner in complying with/acting upon the instructions.
9. You acknowledge and agree that the Bank may:
 - 9.1 without stating reasons, require that you identify yourself by alternative means;
 - 9.2 require any instruction to be confirmed through alternative means (including but not limited to writing in person at a branch, by facsimile or by phone);
 - 9.3 reject any instruction for a fund transfer under the PB Visa Direct Service without assigning any reason;
 - 9.4 decline to act on the instruction in order to verify the authenticity of the instruction;
 - 9.5 decline to act on the instruction where the instruction:
 - 9.5.1 is ambiguous, incomplete or inconsistent with your other instructions, information and/or data; or
 - 9.5.2 may have lapsed or is rendered invalid by the Bank and/or VISA International Service Association (or such other relevant party); or
 - 9.5.3 would cause you to exceed your applicable transaction or account limit; or
 - 9.5.4 would result in any insufficiency of funds in your Savings Account, Current Account or Credit/Debit Card, without incurring any liability for loss, cost or expense.

10. The Bank shall not be liable to you in any way for any losses, costs, claims, expenses or damages incurred by us whatsoever or howsoever caused, whether arising directly or indirectly, in connection with the PB Visa Direct Service, including but not limited to the delay or failure in transmission of instruction by the Bank, delay or failure of transmission of instructions by VISA International Service Association or any other entity involved in the process of the funds transfer or due to any government order, court order, law, levy, tax or exchange restrictions.
11. The Bank shall not be liable for any unauthorized transactions and you agree to fully indemnify and hold the Bank harmless against any action, suit or proceedings initiated against it and for any loss, cost (including legal costs on a full indemnity basis) or damage incurred by us as a result thereof or arising from us acting on your instruction to effect the transfer.
12. The Bank may, without incurring any liability or responsibility whatsoever,
 - 12.1 withdraw the PB Visa Direct Service in entirety; or
 - 12.2 terminate the PB Visa Direct Service in the event of the termination of or closure of
 - 12.2.1 the Customer's Savings Account, Current Account or Credit/Debit Card Account; or
 - 12.2.2 the Recipient Card,
13. The Bank may by notice via PBe internet banking and PB engage vary these Terms and Conditions and such variation to take effect on the date specified by us. If you use the PB Visa Direct Service after such date you are deemed to have accepted such variation.
14. You hereby authorise and consent to the Bank, its agents and other persons (who by reason of their scope of work, capacity or office have access to your account and/or personal details) disclosing any information relating to you and any particulars of your accounts to:
 - 14.1 any person or organization participating in the provision of electronic services or such services in connection with the PB Visa Direct Service;
 - 14.2 any person or organization we outsource certain functions or activities;
 - 14.3 the police or any public officer purporting to conduct an investigation;
 - 14.4 credit or charge card companies;

- 14.5 the VISA International Service Association and such other VISA entity;
 - 14.6 any other bank, financial institution or credit agency for the purposes of verifying the information provided by you;
 - 14.7 any person or organization in connection with the marketing or promotion of the PB Visa Direct Service and/or such person or organization for the purposes of investigating any compliant or dealing with any query relating to the marketing or promotion of the PB Visa Direct Service;
 - 14.8 any person or organization in compliance with an order, notice or request of any government agency or authority or court of law;
 - 14.9 any person or organization for the purpose of collecting and recovering for and on the Bank's behalf any sums of money owing to us from you;
 - 14.10 any person or organization as may be required under the relevant by-laws;
 - 14.11 any regulatory body, government agency and/or statutory board;
 - 14.12 any merchant;
 - 14.13 any subsidiary and/or any related company or associated company of the Bank, in any jurisdiction;
 - 14.14 any Recipient Card main or supplementary cardholder;
 - 14.15 any potential assignee or transferee of the Bank's interest herein; and
 - 14.16 any person or organization where the Bank in good faith deems it reasonable to make such disclosure.
15. **FRAUD/UNAUTHORISED INSTRUCTIONS/ SECURITY BREACH**
- 15.1 The Customer hereby acknowledges that the Bank shall not be responsible for any fraudulent or unauthorised instructions, or any loss (including consequential loss), damage or liability whatsoever suffered and/or incurred by the Customer in the event that:
 - 15.1.1 The Customer has acted fraudulently; and/or
 - 15.1.2 The Customer failed to carry out the following obligations:

- (i) To safeguard the Customer's sensitive personal banking information such as the Customer's ID, password and PAC by disclosing it verbally or in writing to a third party;
- (ii) To take responsible preventive steps to update and protect the Customer's PCs and smart devices to ensure that they are malware/virus free;
- (iii) To take responsible steps to ensure that the Customer changes the Customer's password, check his banking information and balances periodically and to keep his sensitive banking information and security devices secure at all times;
- (iv) To report a breach or a suspected compromise of security as soon as possible (within 24 hours) regardless of the Customer's location after becoming aware of the breach or loss, either verbally or in writing to the Bank's customer support officers or any of the Bank's branches;
- (v) To furnish the Bank with an official Malaysian police report as soon as possible after reporting the breach of security to the Bank; and/or
- (vi) To provide the Bank with the following information, either verbally or in writing, with respect to the disputed transaction(s): Customer's name, the affected account, the date and amount of the disputed transaction and reason why the Customer believes that it is a disputed transaction;

15.2 The Bank shall work with the relevant authorities and reserves the right to institute legal action against the Customer who delays, obstructs and/or withholds vital information from the Bank, publishes false claims on traditional or social media and/or lodges false police reports with respect to any transaction performed or purported to be performed through the PB Visa Direct Service, PBe Services and/or the PB engage.

16. These Terms and Conditions governing the use of the PB Visa Direct Service are additional to the Terms and Conditions Governing your Savings Account, Current Account and/or Credit/Debit Card, the PBe Service, PB engage, and such other terms and conditions intended or expressed to govern the use of the PB Visa Direct Service.

17. These Terms and Conditions are governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and you irrevocably submit to the exclusive jurisdiction of the Malaysian Courts.

18. The Bank has implemented its Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy which adopts a “zero-tolerance approach” towards any form of bribery and corruption in conducting its business. For more information, you are advised to visit the Bank’s website <https://www.publicbankgroup.com/About-Us/Board-Of-Directors/Anti-Bribery-and-Anti-Corruption-Policy>. The Bank reserves the right to terminate this arrangement forthwith in the event you are found to be involved in any acts of bribery or corrupt practices.

19. Interpretations and Definitions

In these Terms and Conditions, unless the context requires otherwise:

- 19.1 references to "we", "us", "our" and "the Bank" refers to Public Bank Berhad Registration No. 196501000672 (6463-H) or Public Islamic Bank Berhad Registration No. 197301001433 (14328-V), as the case may be;
- 19.2 references to "you", "your" or "the Customer" means the customer of Public Bank Berhad Registration No. 196501000672 (6463-H) or Public Islamic Bank Berhad Registration No. 197301001433 (14328-V), as the case may be, and who has availed himself to the PB Visa Direct Service;
- 19.3 “PB Visa Direct Service” means the cross border remittance service that allows Public Bank Berhad customers and Public Islamic Bank Berhad customers to perform fund transfers, credit card payments or prepaid reloads to their Visa Debit Card or Visa Credit Card through the Bank’s PBe channel and/or PB engage;
- 19.4 "Current Account" means the current account or current account-i maintained by the Customer with the Bank;
- 19.5 "Savings Account" means any savings account or savings account-i maintained by the Customer with the Bank;
- 19.6 "Credit/Debit Card" means any credit and/or debit card issued by the Bank and maintained by the Customer;
- 19.7 "Recipient Card" means all personal cards bearing the name VISA and/or service mark of VISA and issued by any bank or financial institution located overseas.

Last updated as at 9 July 2020.

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PERKHIDMATAN PB VISA DIRECT

1. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan PB Visa Direct untuk mendebitkan suatu jumlah daripada Akaun Simpanan, Akaun Semasa atau Kad Kredit/Debit anda dan memindahkan jumlah tersebut kepada Kad Penerima melalui Perkhidmatan PBe, perkhidmatan perbankan dalam talian Public Bank dan PB engage, aplikasi perbankan mudah alih Public Bank. Untuk Kad Kredit, pindahan tersebut hendaklah dianggap sebagai pendahuluan tunai dan tertakluk pada fi perkhidmatan pendahuluan tunai.
2. Anda boleh memindahkan minimum sebanyak RM300.00 dan maksimum sebanyak RM8,000.00 bagi setiap urus niaga setiap hari (atau amaun seumpamanya yang Bank akan tentukan) dan jumlah amaun yang dibenarkan setiap hari ialah RM8,000.00 (atau amaun seumpamanya yang Bank akan tentukan). Had urus niaga tertakluk pada had pindahan dana untuk pihak ketiga setiap hari atau mana-mana yang lebih rendah. Anda hanya dibenarkan untuk membuat maksimum lima (5) urus niaga bagi setiap bulan kalendar.
3. Anda bertanggungjawab bagi semua caj dan fi yang ditanggung di bawah Perkhidmatan PB Visa Direct termasuk cukai yang berkaitan, sekiranya ada, yang akan didebitkan daripada Akaun Simpanan atau Akaun Semasa anda atau dicajkan kepada Kad Kredit/Debit anda, mengikut keadaan. Senarai fi dan caj Bank boleh didapati melalui laman web Bank, www.pbebank.com.
4. Bank dan/atau VISA International Service Association akan melaksanakan pindahan jumlah tersebut kepada Kad Penerima berdasarkan maklumat dan/atau arahan yang diberi oleh anda, dalam mata wang Kad Penerima yang ditukarkan daripada mata wang Malaysia pada kadar pertukaran semasa pada tarikh tersebut yang Bank atau VISA International Service Association akan tentukan mengikut budi bicaranya tambah spread pertukaran asing sebanyak 0.25%.
5. Anda hendaklah memastikan bahawa semua maklumat dan/atau arahan yang diberikan oleh anda kepada Bank bagi tujuan untuk melaksanakan apa-apa pindahan di bawah Perkhidmatan PB Visa Direct ini lengkap, betul dan tepat. Anda juga bersetuju untuk memberi maklumat lanjut yang mungkin diperlukan oleh Bank bagi tujuan melaksanakan pindahan tersebut.
6. Bank boleh mengambil tindakan terhadap, bergantung kepada atau meletakkan tanggungjawab hanya kepada anda bagi semua arahan yang diberikan kepada Bank (sama ada benar-benar diberikan oleh anda atau tidak) dan Bank tidak berkewajipan untuk menyiasat kesahan atau kebenaran orang yang melaksanakan arahan tersebut atau mengesahkan ketepatan dan kesempurnaan maklumat tersebut.

Anda bersetuju bahawa Bank boleh menganggap maklumat tersebut sebagai sah walaupun terdapat kesilapan, penipuan, pemalsuan, maklumat kurang jelas atau salah faham dari segi maklumat dan/atau arahan tersebut dan anda akan menanggung rugi Bank sepenuhnya bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi oleh sebab Bank bergantung kepada arahan tersebut.

7. Tatkala Bank berusaha untuk melaksanakan pindahan selepas menerima arahan anda, anda bersetuju bahawa arahan tersebut mungkin tidak diambil tindakan segera sekiranya:
 - 7.1 arahan tersebut tidak tepat, tidak mencukupi atau tidak lengkap; atau
 - 7.2 berlaku kegagalan, keengganan, kelewatan atau kesilapan oleh mana-mana pihak ketiga yang melaluinya arahan tersebut dilaksanakan.
8. Apabila Bank memilih untuk bertindak atas arahan, Bank bertindak atas dasar usaha yang munasabah secara komersil dan tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan dan ketinggalan ketika bertindak dengan cara yang munasabah dalam memenuhi/mengambil tindakan atas arahan tersebut.
9. Anda mengaku dan bersetuju bahawa Bank:
 - 9.1 tanpa memberi sebab, memerlukan anda untuk memperkenalkan diri anda melalui kaedah yang lain;
 - 9.2 memerlukan arahan untuk disahkan melalui kaedah lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada menulis sendiri kepada cawangan, melalui faksimile atau telefon);
 - 9.3 boleh menolak arahan untuk memindahkan dana di bawah Perkhidmatan PB Visa Direct tanpa memberi apa-apa sebab;
 - 9.4 boleh menolak untuk bertindak mengikut arahan bagi tujuan untuk mengesahkan arahan tersebut;
 - 9.5 boleh menolak untuk bertindak atas arahan sekiranya arahan tersebut:
 - 9.5.1 tidak jelas, tidak lengkap atau tidak konsisten dengan arahan, maklumat dan/atau data anda yang lain; atau
 - 9.5.2 mungkin telah terbatal atau dianggap tidak sah oleh Bank dan/atau VISA International Service Association (atau pihak lain yang berkaitan); atau

- 9.5.3 menyebabkan had urus niaga atau had akaun anda digunakan menjadi berlebihan; atau
- 9.5.4 menyebabkan dana tidak mencukupi dalam Akaun Simpanan, Akaun Semasa atau Kad Kredit/Debit anda, tanpa dikenakan apa-apa liabiliti bagi kerugian, kos atau perbelanjaan.
10. Bank tidak bertanggungjawab kepada anda dalam apa juga cara bagi apa-apa kerugian, kos, tuntutan, perbelanjaan atau ganti rugi yang ditanggung oleh kami walau apa sekali pun atau bagaimana sekali pun ia berlaku, sama ada secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan Perkhidmatan PB Visa Direct (termasuk tetapi tidak terhad pada kelewatan atau kegagalan dalam pemberian arahan oleh Bank, kelewatan atau kegagalan dalam pemberian arahan oleh VISA International Service Association atau entiti lain yang terbabit dalam proses pindahan dana atau disebabkan oleh arahan kerajaan, perintah mahkamah, undang-undang, levi, cukai atau sekatan tukaran asing).
11. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa arahan tanpa kebenaran dan anda bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada apa-apa tindakan, saman atau prosiding yang dimulakan terhadapnya dan untuk apa-apa kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar indemniti penuh) atau ganti rugi yang dialami oleh kami disebabkan oleh atau yang ditimbulkan oleh kami bertindak atas arahan anda untuk melaksanakan arahan tersebut.
12. Bank boleh tanpa menanggung apa juga liabiliti atau tanggungjawab untuk;
- 12.1 menarik balik keseluruhan Perkhidmatan PB Visa Direct; atau
- 12.2 menamatkan Perkhidmatan PB Visa Direct sekiranya:
- 12.2.1 Akaun Simpanan, Akaun Semasa atau Akaun Kad Kredit/Debit Pelanggan; atau
- 12.2.2 Kad Penerima.
- ditamatkan atau ditutup.
13. Bank boleh dengan notis melalui perbankan internet PBe dan PB engage mengubah Terma dan Syarat ini dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh kami. Jika anda menggunakan Perkhidmatan PB Visa Direct selepas tarikh tersebut, anda dianggap sebagai menerima perubahan tersebut.

14. Dengan ini anda membenarkan dan memberi keizinan kepada Bank, ejennya dan orang lain (yang disebabkan oleh bidang kerjanya, keupayaan atau jawatannya mempunyai akses kepada akaun anda dan/atau butir-butir peribadi anda) untuk mendedahkan maklumat berkenaan dengan anda dan butir-butir akaun anda kepada:
- 14.1 mana-mana orang atau organisasi yang mengambil bahagian dalam pemberian perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan yang mempunyai kaitan dengan Perkhidmatan PB Visa Direct;
 - 14.2 mana-mana orang atau organisasi yang fungsi dan aktiviti disumber luarkan oleh kami;
 - 14.3 polis atau mana-mana pegawai awam yang dikatakan akan menjalankan penyiasatan;
 - 14.4 syarikat kad kredit atau kad caj;
 - 14.5 VISA International Service Association dan entiti VISA seumpamanya yang lain;
 - 14.6 mana-mana bank, institusi kewangan atau agensi kredit lain bagi tujuan untuk mengesahkan maklumat yang diberikan oleh anda;
 - 14.7 mana-mana orang atau organisasi yang berkaitan dengan pemasaran atau promosi Perkhidmatan PB Visa Direct dan/atau orang atau organisasi seumpamanya bagi tujuan untuk menyiasat mengenai soal pematuhan atau yang mengendalikan apa-apa pertanyaan mengenai pemasaran atau promosi Perkhidmatan PB Visa Direct;
 - 14.8 mana-mana orang atau organisasi sebagai mematuhi perintah, notis atau permohonan agensi atau pihak berkuasa kerajaan atau mahkamah undang-undang;
 - 14.9 mana-mana orang atau organisasi bagi tujuan pemungutan dan pungutan semula untuk dan bagi pihak Bank apa-apa jumlah wang yang belum dibayar kepada kami daripada anda;
 - 14.10 mana-mana orang atau organisasi seperti mana yang mungkin diperlukan di bawah undang-undang yang berkaitan;
 - 14.11 mana-mana badan pengawalseliaan, agensi kerajaan dan/atau lembaga berkanun;
 - 14.12 mana-mana saudagar;

- 14.13 mana-mana subsidiari dan/atau mana-mana syarikat atau syarikat bersekutu Bank, dalam mana-mana bidang kuasa;
- 14.14 mana-mana pemegang kad utama atau tambahan Kad Penerima;
- 14.15 mana-mana pemegang serah hak atau penerima pindahan yang Bank mempunyai kepentingan dalam ini; dan
- 14.16 mana-mana orang atau organisasi yang Bank dengan tulus menganggap adalah munasabah untuk membuat pendedahan tersebut.
15. **PENIPUAN/ARAHAN TANPA KEBENARAN/MELANGGAR PERATURAN KESELAMATAN**
- 15.1 Dengan ini, Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa penipuan atau arahan tanpa kebenaran, atau kerugian (termasuk kerugian turutan), kerosakan atau liabiliti apa jua sekali pun yang ditanggung dan/atau alami oleh Pelanggan sekiranya:
- 15.1.1 Pelanggan telah melakukan penipuan; dan /atau
- 15.1.2 Pelanggan gagal untuk menjalankan kewajiban yang berikut:
- (i) melindungi maklumat perbankan peribadi sensitif Pelanggan seperti ID Pelanggan, kata laluan dan PAC dengan memberitahunya secara lisan dan bertulis kepada pihak ketiga;
 - (ii) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengemas kini dan melindungi Komputer Peribadi Pelanggan dan peranti pintar bagi memastikan semuanya bebas malware/virus;
 - (iii) mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan Pelanggan menukar kata laluan, menyemak maklumat perbankan dan baki Pelanggan tersebut secara berkala dan memastikan maklumat perbankan sensitif dan peranti pintar Pelanggan selamat pada setiap masa;
 - (iv) melaporkan pecah keselamatan dengan serta-merta (dalam tempoh 24 jam) walau di mana pun Pelanggan berada selepas menyedari mengenai pelanggaran peraturan keselamatan atau kerugian tersebut, sama ada secara lisan atau secara bertulis kepada pegawai sokongan pelanggan Bank atau mana-mana cawangan Bank;

- (v) menyerahkan kepada Bank laporan polis Malaysia yang rasmi secepat mungkin selepas melaporkan mengenai pelanggaran peraturan keselamatan kepada Bank; dan/atau
- (vi) memberi maklumat yang berikut kepada Bank, sama ada secara lisan atau bertulis, berkenaan dengan urus niaga yang menjadi pertikaian: nama pelanggan, akaun yang terbabit, tarikh dan amaun yang menjadi pertikaian dan sebab-sebab mengapa Pelanggan percaya bahawa urus niaga itu dipertikaikan.

- 15.2 Bank akan bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dan berhak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap Pelanggan yang menanggung, menghalang dan/atau enggan untuk memberi maklumat penting kepada Bank, menyiarkan tuntutan palsu di media biasa atau media sosial dan/atau membuat laporan polis palsu berkaitan dengan urus niaga yang dibuat atau dikatakan dibuat melalui Perkhidmatan PB Visa Direct, Perkhidmatan PBe dan/atau PB engage.
16. Terma dan Syarat yang mengawal penggunaan Perkhidmatan PB Visa Direct tersebut adalah tambahan kepada Terma dan Syarat yang mengawal Akaun Simpanan, Akaun Semasa dan/atau Kad Kredit/Debit anda, Perkhidmatan PBe, PB engage, dan terma dan syarat lain yang bertujuan atau secara nyata bertujuan untuk mengawal penggunaan Perkhidmatan PB Visa Direct.
17. Terma dan Syarat ini dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan anda tanpa boleh batal mematuhi peruntukan eksklusif dalam Mahkamah Malaysia.
18. Bank melaksanakan Dasar Antirasuah dan Antisogokan yang menerima pakai "pendekatan sifar toleransi" terhadap apa-apa bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Pelanggan diminta melayari laman web Bank <https://www.publicbankgroup.com/About-us/Board-Of-Directors/Anti-Bribery-and-Anti-Corruption-Policy>. Bank berhak untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya Pelanggan atau mana-mana pegawai atau ejennya didapati terlibat dalam apa-apa bentuk amalan sogokan atau rasuah.
19. Tafsiran dan Takrifan

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya:

- 19.1 rujukan “kita”, “kami”, dan “Bank” merujuk pada Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H) atau Public Islamic Bank Berhad 197301001433 (14328-V), mengikut keadaan;

- 19.2 rujukan “anda” atau “pelanggan”, bermaksud pelanggan Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H) atau Public Islamic Bank Berhad 197301001433 (14328-V), mengikut keadaan, dan yang membenarkan penggunaan Perkhidmatan PB Visa Direct;
- 19.3 “Perkhidmatan PB Visa Direct” bermaksud perkhidmatan kiriman rentas sempadan yang membenarkan pelanggan Public Bank Berhad dan pelanggan Public Islamic Bank Berhad untuk melaksanakan pindahan dana, pembayaran kad kredit atau tambahan prabayar ke dalam Kad Debit Visa atau Kad Kredit Visa melalui saluran PBe Bank dan/atau PB engage;
- 19.4 “Akaun Semasa” bermaksud akaun semasa atau akaun semasa-i yang disenggara oleh Pelanggan dengan Bank;
- 19.5 “Akaun Simpanan” bermaksud akaun simpanan atau akaun simpanan-i yang disenggara oleh Pelanggan dengan Bank;
- 19.6 “Kad Kredit/Kad Debit” bermaksud apa-apa kad kredit dan/atau kad debit yang dikeluarkan oleh Bank dan disenggara oleh Pelanggan;
- 19.7 “Kad Penerima” bermaksud semua kad peribadi yang mempunyai nama VISA dan/atau lambang perkhidmatan VISA dan dikeluarkan oleh bank atau institusi kewangan yang terletak di luar negeri.

Kemas kini terakhir pada 9 Julai 2020.